

Jangkaan Pelajar Perakaunan Terhadap Kurikulum Pendidikan Perakaunan di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia  
*(Accounting Students Expectation of Accounting Curriculum in Malaysian Public Higher Institution)*

NOOR LELA AHMAD, KHALID ISMAIL & NORIZAN SAAD

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pandangan pelajar perakaunan tahun akhir terhadap kurikulum pendidikan perakaunan dalam menyediakan mereka dengan ilmu dan kemahiran profesional yang mencukupi untuk menghadapi persekitaran kerjaya dengan jayanya. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik untuk mengumpul data daripada 150 orang pelajar perakaunan tahun akhir di tiga buah institusi pengajian tinggi awam. Pemilihan sampel adalah berdasarkan persampelan rawak mudah yang diedarkan di tiga buah fakulti dari universiti yang menawarkan program perakaunan. Dapatan kajian dianalisis menerusi analisis min, peratus, frekuensi dan ujian-t. Penemuan kajian mendapati terdapat kurang integrasi antara kursus-kursus yang ditawarkan dalam kurikulum, perlunya penambahan kursus baru yang lebih menekankan penguasaan kemahiran profesional serta perlunya pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunapakai ditambahbaik yang memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran pelajar. Kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran intelektual dan kemahiran personal dianggap paling penting kepada graduan sebagai persediaan dalam kerjaya mereka. Oleh itu, penambahbaikan perlu dilakukan terhadap kurikulum pendidikan perakaunan, penguasaan kemahiran profesional perlu ditekankan supaya IPTA dapat melahirkan tenaga kerja yang berkualiti dan cemerlang.

Kata kunci: Perakaunan, kurikulum perakaunan, pelajar, jangkaan, kemahiran.

ABSTRACT

*This study aimed to analyze the views of final year accounting students on accounting education curriculum in providing them with the knowledge and professional skills necessary for successful career environment. This quantitative study utilized questionnaire to collect data from 150 final year accounting students from three public higher institutions. Sample was chosen using simple random sampling method from three faculties of universities that offered accounting program. These data were analyze during analysis of mean, percentage, frequency and t-test. Findings showed that there was a lack of integration between the courses offered in the curriculum. There was also the need for the addition of a new course that emphasizes the mastery of professional skills and the need for improved teaching approaches. The study also showed that intellectual skills and personal skills deemed most important for graduates to prepare for their careers. Therefore, continues improvements must be made to the accounting curriculum, and should emphasize on the professional skill in order for the universities to produce quality graduates.*

*Keywords: Accounting, accounting curriculum, student, expectation, skill.*

## PENGENALAN

Program pendidikan yang baik dan berkualiti perlu memiliki kurikulum yang dibangunkan dengan perancangan yang teliti bagi mencapai hasrat melahirkan tenaga kerja mahir dan pakar dalam bidangnya (Schank 2002). Reckers (2006) menekankan bahawa pembinaan kurikulum yang berkualiti dan dapat memenuhi keperluan semasa memerlukan penekanan terhadap aspek kemahiran tinggi supaya graduan yang dihasilkan mempunyai keupayaan melaksanakan tanggung jawab profesion dengan baik. Oleh itu, salah satu objektif kurikulum pendidikan perakaunan adalah untuk melahirkan graduan yang menguasai ilmu perakaunan dan kemahiran profesional serta berupaya mengaplikasikannya dalam persekitaran kerjaya apabila bertugas dalam sesebuah organisasi (Albrecht & Sack 2000; Hart 2006; Hunton 2002; Mathews 2004). Profesion perakaunan dalam zaman millenium ini menghadapi cabaran yang sangat signifikan dalam persekitaran perniagaan yang menggunakan teknologi maklumat secara meluas (Braun 2004; Hassel et al. 2005). Perkara ini turut dibincangkan oleh Knopf (2002) yang menyatakan profesion perakaunan pada era ini telah berubah dimana akauntan kini menawarkan perkhidmatan yang berbentuk pengetahuan dan bukan lagi perkhidmatan berbentuk teknikal sahaja. Sebagai contoh peranan yang dilaksanakan oleh akauntan melibatkan tugas yang berkaitan dengan teknologi maklumat, perundingan, membuat keputusan dan penyelesaian masalah (Kavanagh & Drennan 2009; Gabric & Mc Fadden 2000).

Sehubungan itu, West (1998) menegaskan bahawa kurikulum pendidikan perakaunan di universiti seharusnya mempunyai komitmen untuk menyediakan pendidikan berterusan di kalangan graduan serta membantu pembangunan profesional mereka. Ilmu dalam bidang perakaunan membantu membangunkan pelajar menjadi modal insan berpengetahuan dalam menguruskan sebuah perniagaan dan berupaya untuk mengurus kewangan perniagaan dengan baik dan berkesan (Reckers 2006;

Earley & Kelly, 2004. Perkara ini turut dijelaskan oleh Cranmer (2006) yang menyatakan matlamat kurikulum perakaunan adalah untuk melahirkan modal insan yang mempunyai kredibiliti, pengetahuan dan kemahiran perakaunan melalui sistem pendidikan yang menitikberatkan pemahaman rasional sesuatu perkara yang dilakukan. Modal insan merupakan sumber paling menonjol untuk melonjak prestasi organisasi dan peranan sebagai seorang akauntan dilihat sebagai pemacu kepada kejayaan sesebuah organisasi (Klibi dan Qussi, 2013). Hal ini turut ditekankan oleh Albrecht & Sack (2000) iaitu pendidikan perakaunan memberikan sumbangan yang tidak ternilai kepada penyediaan graduan dalam profesion perakaunan dan sangat penting kepada dunia perniagaan sebagai penyedia maklumat kewangan.

Oleh itu, Haywood et al. (2004) menegaskan bahawa universiti perlu memainkan peranan penting dengan melakukan perubahan yang relevan mengikut keperluan semasa dalam bidang perakaunan. Birrel (2006) dan Hart (2006) menyarankan supaya universiti peka terhadap keperluan semasa dunia perniagaan yang menginginkan tenaga kerja profesional dengan mencadangkan tindakan drastik supaya fakulti menambahbaik model kurikulum bagi melahirkan profil graduan perakaunan yang berkemahiran tinggi dan fleksibel dengan persekitaran semasa. Kurikulum pendidikan perakaunan di universiti turut diperkatakan berkaitan kelemahannya dari aspek penyampaian, kualiti dan kesesuaiannya dengan keperluan semasa dalam menyediakan pelajar holistik dan berkemahiran tinggi (Hart 2006; Gabric & Mc Fadden 2000; Hunton 2002). Fakulti dan universiti digesa memperbaiki kursus-kursus yang ditawarkan dalam kurikulum pendidikan perakaunan bagi menyediakan pelajar yang berintegriti dan berkualiti untuk menghadapi keperluan semasa apabila berada dalam dunia pekerjaan sebenar (Earley & Kelly 2004; Fulmer & Cargile 2001; Funnel 1998; Kiger 2004; Loeb 1988; Mintz 1995; Russel dan Smith 2003).

Kajian-kajian yang dijalankan di institusi pengajian tinggi di Malaysia juga mendapati bahawa kurikulum Pendidikan Perakaunan yang digunakan di universiti masih tidak dapat memenuhi keperluan profesion perakaunan yang berkembang (Noor Azizi et al. 2001). Kandungan kurikulum yang diguna pakai kurang menepati kehendak industri dan kurang berjaya menyedia dan melengkapkan diri pelajar dengan penguasaan kemahiran yang diperlukan oleh majikan (Noor Azizi et al. 2001). Perkara ini menyebabkan pihak universiti dipersalahkan dan dikritik kerana gagal menyediakan graduan seperti yang dikehendaki oleh industri dan majikan dimana kurikulum perakaunan didapati terlalu memberi fokus kepada aspek teknikal perakaunan dan gagal menerapkan elemen kemahiran bukan teknikal di dalam kurikulum (Kavanagh & Drennan 2008; Hunton 2002). Program ijazah perakaunan yang terlalu memberi fokus utama kepada pengetahuan yang berorientasikan teknikal telah dikritik hebat kerana hanya melahirkan graduan yang berpengetahuan dalam bidang mereka dan gagal menyerlah dari aspek kemahiran bukan teknikal (Milner & Hill 2009). Terdapat jurang yang luas antara kemahiran yang diinginkan oleh majikan dengan kemahiran yang dikuasai oleh graduan (Kavanagh & Drennan 2008; Paisey & Paisey 2006). Kemahiran-kemahiran bukan teknikal yang diperolehi bukanlah melalui satu latihan teknikal atau khusus tetapi melalui pendidikan dan pembelajaran yang mendalam, praktikal, dan berterusan (Paisey & Paisey 2006). Kesimpulan yang dibuat menyatakan bahawa graduan kelahiran kurikulum ini perlu diberi pendedahan yang lebih meluas merentasi pengetahuan teknikal bidang perakaunan. Selain itu, isu signifikan yang perlu dibincangkan adalah daripada aspek kandungan kursus dan kurikulum yang perlu dilakukan pengubahsuaian dan penambahbaikan supaya sesuai dengan kehendak semasa (Kiger 2004; Russel & Smith 2003).

Kritikan ini turut dibincangkan menerusi laporan Albrecht & Sack (2000) yang menyatakan kurikulum pendidikan perakaunan

tidak mengalami perubahan yang ketara sejak 30 tahun yang lalu yang membuktikan bahawa kurikulum yang digunapakai kini kurang berjaya untuk melahirkan seorang akauntan yang serba boleh. Perdebatan dan perbincangan hangat berkaitan isu ini turut dilakukan di kalangan para sarjana yang menyarankan adalah menjadi tanggungjawab pihak universiti untuk menyediakan graduan dengan pelbagai kemahiran yang komprehensif (Mathews 2004). Pelbagai pihak turut mengkritik kurikulum pendidikan perakaunan sebagai tidak bersesuaian dengan kehendak industri dan tidak mempunyai nilai tambah dengan amalan perakaunan (Waddock 2005). Di negara-negara seperti Amerika, Britain dan Australia, para sarjana, akademik dan pengamal perakaunan telah dipanggil untuk membentuk dan membincang semula kandungan kurikulum pendidikan perakaunan (AICPA 1998; Wellset al. 2009).

Selaras dengan ini, beberapa pembaharuan telah dilakukan dalam kurikulum pendidikan perakaunan bagi membentuk semula kurikulum yang lebih sesuai dengan keperluan semasa dan kehendak majikan (Bolton dan Hyland 2003; Muhammad dan Lashine 2003). Walaubagaimanapun, pembaharuan dalam kurikulum pendidikan perakaunan sepatutnya bukan setakat tertumpu kepada kandungan kursus dan pegagogi sahaja namun perlu diberi penekanan sebaiknya kepada penguasaan kemahiran dan pengetahuan yang memenuhi keperluan kerjaya (Francisco dan Kelly 2002; Ehab 2003). Komponen-komponen kemahiran dalam kurikulum perlu diperkembangkan sebagai contoh, memberi didikan kepada pelajar bagaimana untuk berkomunikasi dengan baik secara lisan dan bertulis, menerapkan kemahiran pemikiran analitikal, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah serta menekankan kepentingan kerja kumpulan (Hassal et al. 2004; Milner & Hill 2009). Didasari keperluan tersebut, beberapa langkah drastik perlu dilaksanakan di institusi pengajian tinggi seperti penekanan terhadap perkembangan intelek dan pengembangan potensi kemahiran pelajar harus dipertingkatkan dan dipelbagaikan (Mathews

2004). Selain itu, beberapa kajian mendapati bahawa terdapat kesepakatan untuk membentuk semula kurikulum pendidikan perakaunan berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan di beberapa negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Cheng 2006; Klibi & Qussi 2013; Albrecht & Sack 2000; Chabrow & Hayes 2001; Forristal 2002; Wells et al. 2009).

Dengan demikian, berdasarkan dapatan pelbagai kajian, sarjana-sarjana pendidikan yang terkenal dari Barat antaranya Albrecht & Sack (2001), Kiger (2004), Loeb (2003), Hart (2006) dan Chabrow & Hayes (2001) menyarankan agar perubahan dilaksanakan dalam kuliah dari aspek kandungan kurikulum dan sistem penyampaian dengan memberi penekanan kepada pengukuhan penguasaan komponen kemahiran profesional di dalam kurikulum pendidikan perakaunan. Fakulti disarankan untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi menstrukturkan semula kurikulum pendidikan perakaunan dengan mengintegrasikan kemahiran-kemahiran penting yang dicadangkan oleh majikan supaya dapat menghasilkan graduan yang berkualiti dan serba boleh (Holmes 2001; Herring & Williams 2000). Tujuan utama penyemakan dan penilaian semula kurikulum perakaunan adalah untuk mengubah proses instruksional yang terlalu menekankan kepada kandungan kursus kepada pembangunan sikap dan kemahiran intelektual yang komprehensif (Holmes 2001).

Howieson (2003) mencadangkan supaya kursus-kursus dalam program perakaunan diintegrasikan merentasi disiplin supaya wujud hubungan antara satu sama lain dan disepadukan dengan kemahiran kemahiran bukan teknikal dalam pengajaran. Terdapat universiti yang menggunakan pendekatan pengajaran secara berkumpulan diantara pensyarah dimana pensyarah dari disiplin yang berbeza akan masuk ke dalam kuliah yang sama (Mathews 2004). Pensyarah ini seharusnya melakukan perbincangan bagaimana untuk mengintegrasikan pengajaran masing-masing supaya wujud kesinambungan dan perkaitan dalam perkara yang disampaikan dalam kursus

tersebut dengan mengambilkira pelbagai aspek dan faktor (Francisco & Kelly 2002). Dengan ini, pelajar akan turut dirangsang untuk menggunakan pemikiran kritikal dan analitikal bagi membuat keputusan terbaik dari semua aspek. Pelajar juga perlu digalakkan untuk berbincang dan bekerjasama secara berkumpulan. Herdagon (2000) pula berpandangan kaedah pengajaran dan penyampaian sesuatu kursus perlu diperbaiki dengan menggunakan kaedah dan teknik yang lebih bersesuaian untuk menghasilkan pelajar yang memiliki kemahiran intelektual yang tinggi. Oleh itu, beliau mengusulkan teknik penyelesaian masalah dan analisis kes dimana pelajar berpeluang untuk berinteraksi dan mengambil bahagian secara aktif di dalam kelas.

Namun di sebalik keperluan ini, Klibi dan Qussi (2013) mendapati pelajar perakaunan tidak peka dengan keperluan dunia perniagaan dan majikan yang mahukan graduan memiliki kepelbagaian kemahiran profesional dan generik bagi menghadapi konteks perniagaan yang berubah dan kompetitif. Menurut Klibi dan Qussi (2013), para pelajar juga perlu dikejutkan dan disedarkan dengan keperluan semasa dunia pekerjaan yang menuntut kemahiran yang pelbagai. Manakala kajian Athiyaman (2001) mendapati pelajar perakaunan berpandangan bahawa kurikulum di universiti tidak menerapkan kemahiran dan atribut yang mencukupi dan difikirkan penting untuk kerjaya mereka. Selain itu, terdapat banyak kritikan yang menyatakan graduan universiti tidak bersedia untuk menjadi pengamal profesional perakaunan kerana kurang berkeyakinan (Mathews 2004). Kajian yang dijalankan oleh AICPA (1998) turut mencadangkan supaya kurikulum pendidikan perakaunan melakukan penambahbaikan secara menyeluruh dan perlu wujudkan perkongsian maklumat antara pelajar, pengamal perakaunan, firma perakaunan dan ahli akademik bagi melahirkan satu kurikulum yang memenuhi kehendak profesion, industri dan akademik yang sebenarnya. Oleh itu, berdasarkan kepada permasalahan yang dibincangkan di atas, maka

kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan di bawah:

- a) Apakah keperluan pelajar perakaunan terhadap kurikulum pendidikan perakaunan dari aspek kandungan kursus dan kurikulum?
- b) Apakah keperluan pelajar perakaunan terhadap kemahiran profesional yang diperlukan untuk berjaya dalam kerjaya perakaunan?

### METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kajian tinjauan menggunakan soal selidik yang membenarkan pengkaji mengumpul data yang terperinci daripada populasi yang dipanggil sampel. Pengagihan soal selidik dilakukan dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah. Chua (2006) menyatakan kelebihan kajian tinjauan adalah ia lebih menyeluruh berkaitan permasalahan yang dikaji, pengumpulan data yang cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, maklumat dipungut secara terus daripada responden dalam masa singkat dan mampu membuat generalisasi bagi sesuatu populasi kajian. Selain itu, keputusan yang diperolehi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang agak tinggi. Kajian ini melibatkan 150 orang pelajar perakaunan tahun akhir dari tiga buah universiti awam di Semenanjung Malaysia. Instrumen soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat demografi responden seperti status, jantina, kaum, kelulusan akademik dan lain-lain. Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan pembentukan kandungan kursus dan kurikulum perakaunan di IPTA dan kesesuaiannya dengan keperluan semasa bagi menyediakan pelajar terhadap kerjaya dalam bidang perakaunan. Bahagian ini menggunakan skala likert lima mata dengan skor 1,2,3,4 dan 5 yang meminta responden-responden menyatakan kekuatan pendapat mereka

(daripada sangat tidak setuju kepada sangat setuju) terhadap item-item yang dikemukakan. Bahagian C mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan kemahiran profesional yang diperlukan oleh graduan perakaunan. Bahagian ini hanya menggunakan skala likert empat mata dengan skor 1, 2, 3 dan 4. Responden diminta menanda aras kepentingan bagi setiap kemahiran yang diperlukan.

### DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menganalisis data menerusi kaedah kuantitatif menggunakan perisian "*Statistical Package For The Social Sciences (SPSS)*" bagi memperoleh dapatan kajian yang tepat, mudah dan mampu menjawab segala persoalan kajian yang dijalankan pengkaji. Data kuantitatif yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk memerihalkan maklumat demografi sampel kajian seperti jantina, kaum, umur, CGPA, dan lain-lain data bagi menghuraikan dan menjawab persoalan kajian. Statistik dapatan ini dilaporkan menerusi analisis frekuensi, min, peratusan dan sisihan piawai. Secara keseluruhannya, nilai *Cronbach Alpha* bagi data yang dianalisis adalah berada pada tahap kebolehpercayaan yang baik iaitu .871.

JADUAL 1. Demografi Responden Pelajar

| Jantina       | Bilangan   | Peratus (%)  |
|---------------|------------|--------------|
| Lelaki        | 58         | 38.7         |
| Perempuan     | 92         | 61.3         |
| <b>Jumlah</b> | <b>150</b> | <b>100.0</b> |

Jadual 1 dan 2 menunjukkan jumlah bilangan responden pelajar adalah seramai 150 orang yang terdiri daripada 58 pelajar lelaki dan 92 pelajar perempuan tahun akhir daripada program ijazah sarjana muda Perakaunan dari tiga buah universiti awam di Malaysia iaitu seramai 41% pelajar dari

Universiti Utara Malaysia, 32% pelajar dari Universiti Sains Malaysia dan 27% merupakan pelajar Universiti Putra Malaysia.

JADUAL 2. Profil Pelajar

| Pengalaman                | Jumlah Responden | Peratus (%)  |
|---------------------------|------------------|--------------|
| Universiti Utara Malaysia | 62               | 41           |
| Universiti Sains Malaysia | 48               | 32           |
| Universiti Putra Malaysia | 40               | 27           |
| <b>Jumlah</b>             | <b>150</b>       | <b>100.0</b> |

#### Pandangan Pelajar Terhadap Kandungan Kursus dan Kurikulum Perakaunan

Dapatan kajian membincangkan keperluan pelajar perakaunan dari tiga aspek kandungan

kursus dan kurikulum iaitu aspek integrasi kursus, keperluan kursus tambahan dan keperluan penggunaan pendekatan kajian kes dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan.

JADUAL 3. Statistik Pandangan Pelajar dari Aspek Integrasi Kursus dalam Kurikulum Pendidikan Perakaunan

| Item                | Bil Responden | Peratus %  | Min   | Jumlah | p-value |
|---------------------|---------------|------------|-------|--------|---------|
| Sangat setuju       | 40            | 26.66      | 4.023 | 4.058  | 0.583   |
| Setuju              | 68            | 45.33      |       |        |         |
| Tidak pasti         | 24            | 16         |       |        |         |
| Tidak setuju        | 12            | 8          |       |        |         |
| Sangat tidak setuju | 6             | 4          |       |        |         |
| <b>Jumlah</b>       | <b>150</b>    | <b>100</b> |       |        |         |

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian mendapati seramai 40 responden pelajar (26.66%) sangat setuju bahawa terdapat kurang integrasi antara kursus-kursus dalam kurikulum pendidikan perakaunan, 68 responden pelajar

(45.33%) setuju terdapat kurang integrasi antara kursus, 24 responden pelajar (16%) tidak pasti samada kurikulum kurang integrasi dalam kursus yang ditawarkan, 12 responden pelajar (8%) tidak setuju bahawa kurikulum

pendidikan perakaunan kurang integrasi dan 6 responden pelajar (4%) sangat tidak setuju bahawa kurang integrasi dalam kurikulum pendidikan perakaunan. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden pelajar iaitu

seramai 72% pelajar bersetuju bahawa terdapat kurang integrasi antara kursus-kursus yang ditawarkan oleh kurikulum Pendidikan Perakaunan.

ii. Keperluan Kursus Tambahan

JADUAL 4. Statistik pandangan pelajar dari aspek penambahan kursus baru dalam kurikulum pendidikan perakaunan

| Item                | Bil<br>Responden | Peratus % | Min   | Jumlah | p-value |
|---------------------|------------------|-----------|-------|--------|---------|
| Sangat setuju       | 35               | 23.33     | 3.371 | 3.276  | 0.751   |
| Setuju              | 62               | 41.33     |       |        |         |
| Tidak pasti         | 18               | 12        |       |        |         |
| Tidak setuju        | 21               | 14        |       |        |         |
| Sangat tidak setuju | 14               | 9.33      |       |        |         |
| Jumlah              | 150              | 100       |       |        |         |

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan 23.33% responden pelajar sangat setuju supaya kursus-kursus tertentu ditambah dalam kurikulum pendidikan perakaunan untuk menambahbaik keupayaan dan penyampaian kurikulum dalam melahirkan graduan berkualiti. Seterusnya 41.33% responden pelajar bersetuju dengan penambahan kursus-kursus baru dalam kurikulum, sebaliknya 12% responden pelajar tidak pasti samada kurikulum perakaunan memerlukan tambahan kursus baru, 14% responden pelajar tidak setuju bahawa kurikulum memerlukan tambahan kursus baru dan 9.33% responden pelajar sangat tidak setuju kurikulum pendidikan perakaunan memerlukan tambahan kursus baru. Analisis kajian

menunjukkan sebahagian besar responden pelajar (65%) bersetuju bahawa kurikulum pendidikan perakaunan memerlukan kursus-kursus tambahan merentasi bidang dan disiplin untuk meningkatkan keupayaan penyampaian programperakaunan dalam fakulti. Antara kursus yang dicadangkan responden adalah kursus komunikasi lisan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris, Pemikiran Kritis dan Analitikal dan kursus-kursus yang dapat meningkatkan penguasaan kemahiran generik para pelajar.

iii. Penggunaan Pendekatan Kajian Kes dalam Pengajaran dan Pembelajaran Perakaunan

JADUAL 5. Statistik Pandangan Pelajar dari Aspek Penggunaan Pendekatan Kajian Kes dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Perakaunan

| Item                | Bil Responden | Peratus % | Min   | Jumlah | p-value |
|---------------------|---------------|-----------|-------|--------|---------|
| Sangat setuju       | 46            | 30.67     | 3.423 | 3.472  | 0.781   |
| Setuju              | 54            | 36        |       |        |         |
| Tidak pasti         | 14            | 9.33      |       |        |         |
| Tidak setuju        | 24            | 16        |       |        |         |
| Sangat tidak setuju | 12            | 8         |       |        |         |
| Jumlah              | 150           | 100       |       |        |         |

Jadual 5, memaparkan dapatan kajian yang mendapati 30.67% responden pelajar sangat setuju supaya pendekatan kajian kes digunakan dalam kurikulum pendidikan perakaunan bagi menambahbaik keupayaan dan penyampaian kurikulum untuk menghasilkan graduan yang fleksibel dan mahir. Seterusnya 36% responden pelajar bersetuju supaya pendekatan kajian kes digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan, sebaliknya 9.33% responden pelajar tidak pasti samada pendekatan kajian kes perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran

perakaunan, manakala 16% responden pelajar tidak setuju bahawa pendekatan kajian kes perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan 8% responden pelajar sangat tidak setuju bahawa pendekatan kajian kes perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan. Dengan ini, hasil analisis kajian mendapati sebahagian besar responden pelajar (67%) bersetuju bahawa pendekatan kajian kes diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan untuk membantu pensyarah dan pentadbir meningkatkan keupayaan penyampaian program.

Jangkaan Pelajar Perakaunan terhadap Kepentingan Kemahiran Profesional yang Diperlukan

JADUAL 6. Analisis kepentingan kemahiran profesional mengikut susunan keutamaan

| Bil | Kategori kemahiran           | Min  | Nilai Cronbach Alpha |
|-----|------------------------------|------|----------------------|
| I   | Kemahiran intelektual        | 3.94 | 0.895                |
| II  | Kemahiran teknikal           | 3.93 | 0.876                |
| III | Kemahiran personal           | 3.91 | 0.904                |
| IV  | Kemahiran teknologi maklumat | 3.87 | 0.738                |
| V   | Kemahiran interpersonal      | 3.73 | 0.791                |
| VI  | Kemahiran pengurusan         | 3.29 | 0.754                |

Jadual 6 menunjukkan rumusan kemahiran profesional berdasarkan tahap kepentingannya kepada pelajar. Analisis kebolehpercayaan ke atas instrumen

menggunakan nilai Cronbach alpha di antara 0.754 hingga 0.904 menunjukkan instrumen yang digunakan adalah boleh dipercayai bagi keenam-enam komponen kemahiran yang

dianalisis bagi responden pelajar. Hasil analisis mendapati pelajar menilai kemahiran intelektual sebagai yang paling penting untuk dimiliki oleh mereka untuk berjaya dalam persekitaran kerjaya dengan nilai min sebanyak 3.94. Seterusnya pelajar menilai kemahiran teknikal dan kemahiran personal dengan nilai min sebanyak 3.93 dan 3.91 sebagai kemahiran profesional yang paling diperlukan dan penting oleh mereka. Kemahiran teknologi maklumat sebagai keempat penting dengan nilai min 3.87 diikuti kemahiran interpersonal sebanyak 3.73 dan kemahiran pengurusan sebagai kemahiran ditempatkan terakhir kepentingannya iaitu min sebanyak 3.29.

### PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Penemuan kajian mendapati pelajar berpandangan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan di dalam kurikulum pendidikan perakaunan memerlukan integrasi antara satu sama lain. Kursus-kursus perakaunan seperti perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan, perakaunan sektor awam dan pengauditan kurang integrasi antara sesama kursus malahan tiada integrasi dengan kursus-kursus dari luar fakulti. Oleh itu, dapatan kajian mendapati tiada kesinambungan antara perkara yang dipelajari oleh pelajar di fakulti dengan amalan dalam dunia pekerjaan sebenar (Wells et al. 2009).

Terdapat pandangan yang mencadangkan supaya individu dari latar belakang industri dan dari badan-badan profesion perakaunan diambil sebagai tenaga pengajar sambilan untuk memberi input berkaitan persekitaran perniagaan yang sebenar. Dapatan ini selaras dengan kajian Gray & Collison (2002) dan Howieson (2003) yang mengusulkan supaya diwujudkan integrasi antara tenaga profesional dari industri atau firma perakaunan dengan fakulti dan ahli akademik supaya individu ini dapat memberi input-input dan pengalaman berkaitan amalan perniagaan. Menurut Carr & Mathews (2004), atribut dan ciri-ciri kemahiran sepatutnya diintegrasikan dan diterapkan sepanjang program ijazah perakaunan. Selain itu, kajian Cheng

(2006) turut memperoleh dapatan yang sama yang mendapati kursus perakaunan asas, perakaunan lanjutan, perakaunan pengurusan dan pengauditan memerlukan lebih banyak integrasi dengan persekitaran perniagaan supaya perakaunan dilihat lebih komersil dan berintegriti. Pandangan ini turut disokong menerusi kajian-kajian oleh Cranmer (2006) dan Forristal (2002) yang menyatakan pembaharuan perlu dilakukan dalam kandungan kursus supaya integrasi dalam pendidikan perakaunan boleh meningkatkan kualiti diri graduan dan mereka lebih yakin untuk bersaing dalam pasaran kerja. Penemuan kajian mendapati kandungan kursus dalam kurikulum perakaunan perlu diintegrasikan dengan teknologi maklumat, pengurusan, komunikasi dan sumber manusiadan graduan perlu didedahkan kepada *broad based education* sebagai persediaan mencapai kejayaan dalam kerjaya.

Analisis terhadap keperluan kursus tambahan dalam kurikulum pendidikan perakaunan mendapati bahawa sebahagian besar responden pelajar bersetuju supaya kursus-kursus tertentu terutama kursus dari luar fakulti perlu ditambah. Kursus tambahan didapati penting untuk meningkatkan kemahiran graduan sebagai persediaan menghadapi persekitaran pekerjaan yang mengalami globalisasi pesat. Kursus-kursus yang dicadangkan adalah kursus komunikasi Bahasa Inggeris secara lisan dan bertulis, kursus-kursus yang melibatkan teknologi dan kursus-kursus yang melibatkan penguasaan kemahiran seperti Pemikiran Kritis dan Analitikal. Penemuan kajian juga selaras dengan kajian lebih awal oleh Albrecht & Sack (2000) dan Milner & Hill (2008) yang mendapati trend dan persekitaran perniagaan dekad ini lebih mencabar dan memerlukan tenaga perakaunan yang lebih bersedia dengan cabaran globalisasi perniagaan. Penemuan ini juga selari dengan kajian Jin & Lin (2002) yang menjalankan kajian di Fakulti Perakaunan universiti-universiti di China yang mendapati suasana pembelajaran bagi kursus-kursus perakaunan agak pasif. Oleh itu, pembangunan

komponen kemahiran seperti kemahiran komunikasi, pemikiran analitikal dan penyelesaian masalah sangat diperlukan untuk memenuhi arus perubahan yang berlaku dalam persekitaran perniagaan.

Selain itu, kajian mendapati pendekatan kajian kes perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan. Penggunaan pendekatan kajian kes dalam pengajaran perakaunan turut ditekankan dalam kajian Cheng (2006), Forristal (2002) dan Carr & Mathews (2004) yang mendapati pendekatan kajian kes dapat meningkatkan keupayaan pemikiran kritikal dan analitikal pelajar serta dapat menyediakan pelajar dengan suasana sebenar persekitaran perniagaan. Oleh itu, langkah pembaikan perlu diambil dari aspek penggunaan kaedah dan pendekatan pengajaran pembelajaran yang digunakan untuk perkembangan kerjaya graduan (Beattie et al. 2004).

Penemuan kajian berkaitan kepentingan kemahiran profesional mendapati kesemua kemahiran yang disenaraikan tersebut adalah penting kepada pelajar perakaunan untuk berjaya dalam kerjaya dengan skor min kesemuanya melebihi 3. Pelajar memilih kemahiran intelektual sebagai kemahiran profesional yang paling utama dan penting untuk dimiliki. Pelajar masih berpandangan bahawa keupayaan intelek yang tinggi dan pencapaian akademik yang baik merupakan kekuatan utama kepada graduan untuk berjaya dalam kerjaya di masa hadapan. Penemuan ini juga disokong oleh kajian Klibi & Qussi (2013) dan Hassal et al. (2004) yang memperoleh dapatan yang sama. Walaupun pelajar memilih kemahiran intelektual sebagai yang terpenting, namun pelajar mengakui bahawa kemahiran teknikal dan kemahiran personal juga penting kepada kejayaan kerjaya mereka. Kemahiran intelektual dinilai sebagai kemahiran profesional paling penting perlu dimiliki graduan untuk dipilih bekerja oleh majikan. Perkara ini dengan anggapan bahawa majikan cenderung memilih graduan yang dianggap bijak dari segi akademik.

Kajian ini turut mencadangkan supaya pelajar perlu disedarkan akan kepentingan untuk menguasai kemahiran-kemahiran lain yang dinilai penting oleh majikan. Perkara ini turut diusulkan oleh Albrecht & Sack (2000) dan Cheng (2006) supaya jurang antara keperluan pelajar dan jangkaan majikan perlu dikecilkan supaya semua pihak akan memperoleh manfaat sebaiknya. Kajian oleh Braun (2004), Beattie et al. (2004) dan Gray & Collison (2002) juga menekankan supaya pelajar tidak hanya memberi fokus kepada kemahiran intelaktual malahan seharusnya menguasai kemahiran generik yang lain terutama kemahiran interpersonal seperti kemahiran berkomunikasi serta berkeupayaan untuk belajar secara berterusan. Selain itu, kemahiran teknikal dan kemahiran personal juga dianggap penting oleh pelajar untuk mereka diambil bekerja oleh majikan. Penemuan kajian juga mendapati pelajar berpendapat bahawa menguasai kemahiran teknikal adalah sebahagian daripada kejayaan dalam sesuatu pendidikan (Gabric & Mc Fadden 2000).

## RUMUSAN

Sistem pendidikan berkualiti dan cemerlang yang menekankan kepada keseimbangan intelektual, etika dan kemahiran tinggi sangat diperlukan dalam merintis haluan kearah mencapai tamadun yang cemerlang. Hanya dengan perancangan yang teliti, usaha yang strategik dan bersungguh-sungguh serta mendapat kerjasama dari semua pihak akan dapat melahirkan sebuah sistem pendidikan yang berkualiti serta mampu menangani cabaran abad ke 21 yang kian kompleks.

Selaras dengan ini, kurikulum Pendidikan Perakaunan juga memerlukan kepada perubahan bagi memenuhi keperluan pembangunan dan perkembangan pelajar yang dilahirkan bertujuan membolehkan pelajar perakaunan memiliki kualiti yang mencukupi untuk bersaing dalam era yang kompetitif dan mencabar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan kepada pembangunan diri

pelajar harus membudayakan ilmu pengetahuan, memupuk sikap progresif, meningkatkan penguasaan dan keupayaan kemahiran tinggi melalui proses pendidikan, latihan dan pembelajaran yang berterusan (Abdullah Ahmad Badawi 2006).

Petunjuk kepada keperluan penambahbaikan kurikulum pendidikan perakaunan bagi melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi perlu diberi perhatian. Pembangunan dan penguasaan kemahiran profesional yang diperlukan oleh pelajar perlu ditekankan dalam penyampaian kurikulum pendidikan perakaunan. Jurang antara keperluan pelajar dan jangkaan majikan terhadap kemahiran yang diperlukan perlu dikecilkan supaya kedua-dua pihak mendapat manfaat bersama. Penambahbaikan dan penilaian semula perlu dilakukan terhadap kurikulum pendidikan perakaunan yang dijalankan supaya relevan dengan keperluan semasa dan cabaran persekitaran perniagaan ketika ini. Kandungan kurikulum dan kursus-kursus yang ditawarkan perlu dinilai semula samada perlu dikekalkan, ditambah nilai atau digugurkan mengikut keperluan semasa. Kursus-kursus baru perlu diperkenalkan ke dalam kurikulum untuk menambah nilai dan meningkatkan penguasaan kemahiran di kalangan pelajar perakaunan. Contoh-contoh kursus yang dicadangkan untuk diintegrasikan ke dalam kurikulum adalah kursus komunikasi secara lisan dan bertulis, pengurusan strategik, teknologi maklumat dan pemikiran kritis dan analitikal (Forristal 2002).

Selain itu, penggubal kurikulum seperti pihak universiti dan fakulti perlu membentuk kurikulum yang mempunyai kriteria tertentu iaitu kurikulum yang dibina perlu mendapat pengiktirafan global, melahirkan graduan yang kompetitif dan menyediakan graduan berkemahiran tinggi serta mendapat permintaan tinggi dari dalam negara mahupun luar negara. Selain itu, kursus-kursus yang ditawarkan perlu ada integrasi antara kursus-kursus dalam kurikulum supaya pelajar merasakan terdapat perkaitan, hubungan serta kesinambungan antara semua kursus yang disampaikan melalui kurikulum (Mathews 2004). Dari aspek

pengajaran dan pembelajaran, penyampaian kandungan kursus perlu ditambahbaik dari aspek pendekatan pengajaran yang digunakan dengan mengaplikasikan kaedah kajian kes, kerja kumpulan, pembentangan lisan, tugas teknologi, lawatan, pengalaman luar kelas seperti praktikal, penggunaan video dan penyelesaian masalah kes-kes sebenar yang membolehkan pelajar terlibat dengan lebih aktif dalam aktiviti kuliah. Kesemua pendekatan dan kaedah pengajaran ini haruslah digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Pihak universiti dan fakulti perlu menjalin hubungan yang baik dengan pihak industri dan badan profesional perakaunan seperti MIA, MACPA dan IMA bagi memberi input-input berkaitan keperluan industri. Pihak universiti dan fakulti juga boleh menggalakkan individu dan pakar dari industri dan badan-badan profesional perakaunan sebagai *visiting lecturer* untuk terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus perakaunan di universiti. Perkara ini dapat merapatkan jurang pengetahuan pelajar antara teori yang dipelajari dengan pendedahan amalan sebenar dunia perakaunan dan perniagaan. Ini akan melahirkan graduan yang memiliki pengetahuan yang luas tentang persekitaran perniagaan dan memenuhi kehendak majikan malah boleh menjadi perunding perniagaan.

## RUJUKAN

- Abdullah Ahmad Badawi. 2006. Ucapan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010. Dewan Rakyat. 31 Mac 2006.
- Albrecht, S. & Sack, R. 2000. *Accounting Education: Charting the Course through a Perilous Future*. Sarasota, FL: The American Accounting Association.
- American Institute of Certified Public Accountants (AICPA). 1998. *Core Competency Framework for entry into the profession*. New York: AICPA.
- Athiyaman, A. 2001. Graduates' Perceptions about Business Education: An Exploratory Research, *Journal of Further and Higher Education* 25: 5-19.

- Beattie, V., McInnes, W., & Fearnley, S. 2004. A Methodology for Analysing and Evaluating Narratives in Annual Reports: A Comprehensive Descriptive Profile and Metrics for Disclosure Quality Attributes. *Accounting Forum* 28: 205-236.
- Birrel, B. 2006. *The Changing Face of the Accounting Profession in Australia*. CPA. Australia, Melbourne.
- Bolton, T. & Hyland, M. 2003. Implementing Key Skills in Further Education: Perceptions and Issues, *Journal of Further and Higher Education* 27 (1): 15-26.
- Braun & N.M. 2004. Critical Thinking in the Business Curriculum, *Journal of Education for Business*. Mar/Apr 78 (4): 232-236.
- Carr, S. & Mathews, M. 2004. Accounting Curriculum Change and Iterative Programme Development: A Case Study. *Accounting Education: An International Journal* 13 (1): 91-116.
- Chabrow, E. & Hayes, M. 2001. Changes in accounting education. Info week, [http://www.informationweek.com/story/IW\\_K20010614s0024](http://www.informationweek.com/story/IW_K20010614s0024).
- Cheng, K.W. 2006. The Gap Between the Providers and Suppliers of Accounting Education in University on the Curriculum Design Perspectives. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*. November 127-136.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 1. Kaedah Penyelidikan*. Mc Grawhill. Malaysia.
- Cranmer, S. 2006. Enhancing Graduate Employability: Best Intentions and mixed Outcomes. *Studies in Higher Education* 31(2): 169-184.
- Earley, C. E., and Kelly, A.P. 2004. A note on ethics educational interventions in an undergraduate auditing course: is there an "Enron effect"? *Issues in Accounting Education* 19: 53-72.
- Ehab, K. A. M. 2003. Accounting knowledge and skills and the challenges of a global business environment. *Managerial Finance* 29(7): 3-16.
- Forristal, T. 2002. CAP Forum: The future of Accounting education: The Response of chartered accountant. *Canadian Accounting Perspectives* 1(1): 80-88.
- Francisco, B., & Kelly, A. A. 2002. Beyond Albrecht & Sack: A Comparison of Accounting Professionals and College Students.
- Fulmer, W.E. & Cargile, B.R. 2001. Ethical perceptions of the accounting students: does exposure to a code of professional ethics helps? *Issues in Accounting Education* 207-219.
- Funnel, M. 1998. Accounting in the service of the holocaust. *Critical Perspectives on Accounting* 8: 435-464.
- Gabric, D., & McFadden, K. 2001. Student Perceptions and Use of Desirable Entry Level Operations Management Skills. *Mid-American Journal of Business* 16: 51-59.
- Gray, R. & Collison, D. 2002. Can't See the Wood for the Trees, Can't See the Trees for the Numbers? Accounting Education, Sustainability and the Public Interest, *Critical Perspectives on Accounting* 13 (5-6): 797-836.
- Hart, P.D. 2006. How should colleges prepare students to succeed in today's global economy. *The Association of American Colleges and Universities; Liberal Education and America's Promise*.
- Hassal, T., Joyce, J., Arquero Montano, J. & DonosoAnes, J. 2005. Priorities for the Development of Vocational Skills in Management Accountants: A European Perspective. *Accounting Forum* 29: 379-394.
- Haywood, M. E., McMullen, D.A. & Wygal, D.E. 2004. Using games to enhance student understanding of professional and ethical responsibilities. *Issues in Accounting Education* February: 85-99.
- Herring, H.C. & William, J.R. 2000. The Role of Objectives in Curriculum Development. *Journal of Accounting Education* 18: 1-14.
- Holmes & L. 2001. Reconsidering Graduate Employability. The Graduate Identity Approach. *Quality in Higher Education* 7(2): 111-119.
- Howieson & B. 2003. Accounting Practice in the New Millenium: Is Accounting Education Ready to Meet the Challenge? *The British Accounting Review* 35: 69-103.
- Hunton, J.E. 2002. Blending Information and Communication Technology with Accounting Research. *Accounting Horizons*. 16(1): 56-67.

- Jin, M. & Lin, F. 2002. The recent development of accounting education in China, working paper (#50/02), Charles Sturt University, Barthurst, Australia.
- Kavanagh, M.H. & Drenan, L. 2008. What Skills and Attributes Does Final Year Accounting Graduate Need? Evidence from Students Perceptions and Employers Expectations. *Accounting and Finance* 48: 279-300.
- Kiger & C.E. 2004. Making ethics a pervasive component of accounting education. *Management Accounting Quarterly* 5: 1-18
- Leigh Knopf. 2002. K-accountants- A human resource perspective. *Akauntan Nasional*. KL:MIA.
- Loeb & S. E. 2003. Increasing the demand for ethics in the accounting curriculum: A public policy suggestion. *Journal of Business Ethics*.
- Mathews & M.R. 2004. Accounting Curricula: Does Professional Accreditation Lead to Uniformity within Australian Bachelor's Degree Programmes? *Accounting education* 13 (Supplement 1): 71-89.
- Mohamed, E.K., & Lashine, S.H. 2003. Accounting Knowledge and Skills and the Challenges of a Global Business Environment. *Managerial Finance* 29: 3-16.
- Milner, M.M. & Hill, W.Y. 2008. Examining the skills debate in Scotland. *International Journal of Management Education*.
- Mintz, S.M. 1995. Virtue ethics and accounting education. *Issues in Accounting Education* 10: 247-267.
- Mohamed F.K. & Ahmad A.Q. 2013. Skills and Attributes Needed for Success in Accounting Career: Do Employers' Expectations Fit with Students' Perceptions? Evidence from Tunisia. *International Journal of Business and Management* 8(8): 118-132.
- Noor Azizi. 2001. The Importance of non-technical skills in accounting graduates. *Akauntan Nasional*. Kuala Lumpur: MIA.
- Paisey, C. & Paisey, N.J. 2006. Cutting to the Core? A Reflection Upon Recent Education Policy Debates within the Institute of Chartered Accountants in England and Wales. *The British Accounting Review* 38(1):31-61.
- Reckers & P. 2006. Perspectives on the Proposal for a Generally Accepted Accounting Curriculum: A Wake-up Call for Academics. *Issues in Accounting Education* 21(1): 31-43.
- Russell, K.A. & Smith, C. S. 2003. It's time for a new curriculum. *Strategic Finance* 85(6): 1-5.
- Schank & R.C. 2002. Every Curriculum Tells a Story. *Tech Directions* 62(2): 25-29.
- Waddock & S. 2005. Hollow men and women at the Helm... hollow accounting ethics? *Issues in Accounting Education* 20: 145-150.
- Wells, P., Gebrie, P., Kranenburg, I., & Bygrave, J. 2009. Professional Skills and Capabilities of Accounting Graduates: The New Zealand Expectation Gap? *Accounting Education: An International Journal* 18(4-5): 403-420.
- West & R. 1998. Learning for Life: Higher Education Review-Final Report, Department of Employment, Education, Training, and Youth Affairs: DETYA.

Noor Lela Ahmad (Dr.)  
 Jabatan Perakaunan dan Kewangan  
 Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 35900, Tanjung Malim, Perak  
 E-mel: noor.lela@fpe.upsi.edu.my

Khalid Ismail (Prof. Madya)  
 Jabatan Perakaunan dan Kewangan  
 Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 E-mel: khalid@fpe.upsi.edu.my

Norizan Saad (En.)  
 Jabatan Perakaunan dan Kewangan  
 Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 E-mel: norizan@fpe.upsi.edu.my